

KONSEP MALAKAH IBNU KHALDUN DALAM KONTEKS PENGAJARAN YANG MENERAPKAN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI (KBAT)

Mohd Syaubari Bin Othman¹, Ahmad Amir Khan Shah bin Ahmad @
Mohammed², and Ahmad Yunus Bin Kassim¹

¹ Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak, Malaysia.

² Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia.

Correspondence Author: Mohd Syaubari Bin Othman. Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak Malaysia. Tel: (60) 012-5953 680. Email: syaubari@gmail.com

ABSTRAK

Kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) merupakan suatu transformasi di dalam sistem pendidikan di Malaysia pada abad ini selaras dengan pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Amalan pengajaran yang menerapkan KBAT ini telah melangkaui keseluruhan konsep kandungan mata pelajaran dengan difokuskan kepada beberapa teori KBAT khususnya taksonomi Bloom dan Taksnomi Marzano. Namun begitu, bagi mata pelajaran Pendidikan Islam yang berteraskan kepada Al-Quran dan As-Sunnah, pelaksanaan elemen KBAT ini perlu diterjemahkan menerusi asas Falsafah Pendidikan Islam yang meletakkan kesempurnaan pendidikan akal sebagai teras utama di dalam memacu pembudayaan kemahiran berfikir ini. Kemunculan tokoh-tokoh seperti Ibn Khaldun yang membicarakan secara menyeluruh pendidikan akal berteraskan konsep Malakah telah mencetuskan kepelbagaian di dalam perspektif aliran kefahaman KBAT. Untuk itu, kajian ini menggunakan proses penganalisan secara analisis kepustakaan dengan meneliti isi kandungan yang mempunyai kesamaan sinonim atau terangkum di dalam maksud konsep malakah Ibn Khaldun dalam konteks pengajaran mata pelajaran pendidikan Islam. Dapatan kajian ini menghasilkan empat konsep asas di dalam keperluan penerapan KBAT iaitu menerusi Malakah yang dikombinasikan dengan penggunaan aql tamyizi, aql tajribi, aql nazori dan hakikat insaniyah. Secara keseluruhannya, pelaksanaan PdP pendidikan Islam yang menerapkan KBAT seharusnya menitikberatkan proses dan falsafah pengajaran yang telah dibentuk oleh Ibn Khaldun bagi memastikan nilai kefahaman, penghayatan dan pengamalan oleh pelajar menepati kehendak yang ditetapkan berasaskan acuan Falsafah Pendidikan Islam.

Kata kunci: Pemikiran; Ibn Khaldun; Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT); Pendidikan Islam.

(IBNU KHALDUN CONCEPT OF MALAKAH IN THE TEACHING CONTEXT THAT IMPLEMENTING HIGH ORDER THINKING SKILLS (HOTS))

ABSTRACT

The high order thinking skills (HOTS) is a transformation in the education system in Malaysia this century in line with the implementation of the Malaysia Education Blueprint 2013-2025. The practice of implementing HOTS has outperformed the entire subject content concept by focusing on several HOTS theories in particular the Bloom and Taksnomi Marzano taxonomy. However, for the Islamic Education subjects based on the Quran and As-Sunnah, the implementation of this HOTS element needs to be translated through the basis of the Islamic Education Philosophy that puts the perfectional of the intellectual education as the main thrust in driving this thinking culture. The emergence of figures such as Ibn Khaldun, which speaks thoroughly of the mind-based concept of Malakah, has sparked diversity in the perspective of the understanding of HOTS understanding. For this reason, this study uses the analysis process by analyzing the literature by examining the contents of a synonymity or summarized in the meaning of the poor concept of Ibn Khaldun in the context of the teaching of Islamic education subjects. The results of this study resulted in four basic concepts in the application of HOTS through the use of Malakah combined with the use of aql tamyizi, aql tajribi, aql nazori and insaniyah fact. In general, the implementation of Islamic Education PdP which implements HOTS should focus on the process and philosophy of teaching that Ibn Khaldun has established to ensure that students' understanding, appreciation and practice assesses the requirements set out on the basis of the Islamic Education Philosophy.

Keywords: Thought; Ibn Khaldun; Higher Order Thinking Skills (HOTS); Islamic Education

Received: March 14, 2017

Accepted: October 31, 2017

Online Published: December 30, 2017

1. Pendahuluan

Pendidikan adalah bidang yang sentiasa mengalami perubahan bersumberkan pertembungan dengan suasana persekitaran yang menentukan bagaimana arah perubahan dapat dilaksanakan. Maka berdasarkan gerakan tranformasi pembelajaran berteraskan abad ke 21, setiap perubahan yang dibentuk perlu bersesuaian dengan perkembangan yang berlaku terhadap persekitaran kerana apa sahaja perubahan yang berlaku akan memberikan kesan terhadap keseluruhan komponen pendidikan termasuk di dalam aspek pedagogi pendidikan Islam. Untuk itu, pendidikan Islam adalah nadi penting kepada pembangunan sesebuah negara khususnya dari aspek pembentukan modal insan yang berkualiti (Asmawati Suhid & Fathiyah Mohd Fakhruddin, 2012; Noor Hisham, 2014).

Bagi konteks pelaksanaan KBAT di Malaysia telah mengalami beberapa tranformasi dengan dimulakan dengan penerapan kemahiran berfikir (KB) sekitar tahun permulaan pengenalan KBSR dan KBSM. Dasar ini diteruskan dengan pelaksanaan kemahiran berfikir kritis dan kreatif (KBKK) sekitar tahun 1994. Namun,

kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) ini mula dikenali apabila telah di arus perdanakan dengan difokuskan subjek teras seperti bahasa melayu, bahasa inggeris, sains dan matematik (KPM, 2014).

2. Konsep Pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)

Konsep pengajaran yang melibatkan pengintegrasian KBAT di dalam bilik darjah hanya dapat dilaksanakan setelah guru berjaya mewujudkan pembelajaran berasaskan perancangan yang teratur, penumpuan dan penglibatan secara menyeluruh daripada setiap pelajar (KPM, 2014; Yusmarwati, 2015). Untuk itu, guru memerlukan pendekatan berasaskan strategi, pendekatan dan kaedah yang dapat menggalakkan keupayaan pelajar untuk menjana proses penerokaan idea, menjustifikasikan setiap pernyataan dan membanding beza asas konstruk pembelajaran (Daniel et al, 2011; Chew Fong Peng, 2014).

Untuk penghasilan pengajaran yang mengintegrasikan KBAT, menjadi keperluan kepada guru untuk membentuk asas pengetahuan terlebih dahulu bersandarkan prinsip KBAR iaitu mengingat dan mengetahui. Ini disebabkan, keupayaan kognitif tidak dapat diperkembangkan sekiranya terdapat batasan di dalam asas pengetahuan dan kemahiran mengadaptasi, ini kerana proses menstrukturkan kognitif ini perlu dilaksanakan dengan aras mengingat, ditambahbaik dengan aras mengetahui dan seterusnya menuju ke arah mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta (Swartz, Costa., Kallick, Beyer & Reagan, Rebecca, 2008; Saveedra et al, 2012). Untuk itu, jadual 2 memaparkan definisi dan perincian setiap konstruk KBAT.

Panduan yang jelas mengenai aras-aras pemikiran ini telah diperincikan sebagai keperluan objektif untuk setiap pelajar untuk mencapainya dan merupakan penghasilan kepada keberkesanan proses pengajaran yang mengintegrasikan KBAT (Kamarul Azmi & Ab Halim, 2007; Mok Song Sang, 2010; Esah Sulaiman, 2010; Mohd Aderi, 2011). Perbandingan yang jelas ini memperlihatkan sejauh mana pendekatan KBAT yang dominan dapat di aplikasikan oleh GPI di dalam pengajaran dan kenapa pendekatan tersebut digunakan. Untuk itu, perincian secara perbandingan di antara kaedah pengajaran secara konvensional dan pengajaran yang mengintegrasikan KBAT seperti di dalam jadual 1.

Jadual 1. Perincian Aras Pemikiran Tahap Tinggi

Aras Pemikiran	Pernyataan	Elemen Huraian
Mengaplikasi	Menggunakan asas pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam situasi yang berlainan untuk melakukan sesuatu perkara	Melaksanakan Menggunakan Menghubungkan Memindahkan
Huraian	Pengajaran dilaksanakan oleh guru dengan meletakkan setiap konsep yang di ajar dengan suatu situasi yang berlainan tetapi masih di dalam ciri dan prinsip yang sama	Membanding beza, Mengorganisasikan, Menstrukturkan, Mendatangkan makna tersirat
Menganalisis	Mencerakinkan sesuatu perkara yang asas dan membuat hubungkait untuk membuat kesimpulan	
Huraian	Pengajaran oleh guru memperincikan setiap konsep yang di ajar dengan membentuk suatu rumusan yang merangkumi kesemua ciri tersebut.	
Menilai	Meneliti keseluruhan pertimbangan dengan memberi justifikasi dalam satu situasi	Memeriksa Mengkritik Membuktikan.
Huraian	Pengajaran oleh guru dengan mengemukakan setiap justifikasi bagi setiap pernyataan yang ditetapkan	
Mencipta	Menambahbaik produk yang sedia ada dengan bimbingan	Merumuskan Merencanakan. Penemuan baru
Huraian	Pengajaran oleh guru dengan menggunakan konsep yang di ajar untuk diaplikasikan dengan membentuk penghasilan satu situasi yang berlainan	

Sumber: Bloom 1956; Lorin Anderson et al, 2001; KPM, 2014.

Jadual 2. Perbandingan Pengajaran Secara Konvensional dan KBAT

Tema	Kaedah Pengajaran Secara Konvensional	Kaedah Pengajaran yang Mengintegrasikan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)
Definisi	Perhubungan pengetahuan yang disampaikan oleh guru berteraskan amalan yang dilaksanakan sekian lama dan telah menjadi sebahagian daripada rutin kelompok masyarakat bagi memperolehi ilmu (Ab Halim et al, 2011; Robbins, 2014).	Pengajaran guru yang meletakkan keupayaan pelajar untuk mengapikasi pengetahuan, kemahiran dan nilai di dalam membuat penaaakulan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu (Douglas, 2013; KPM, 2014)
Konsep	Konsep pengajaran adalah berkonsep kepada penyebaran ilmu pengetahuan berasaskan fakta seperti yang telah ditetapkan sama ada secara penyampaian dan penghafalan yang bermakna serta berasaskan standard yang telah ditetapkan (Sefton et al, 2011; Hamdi, Ab Halim & Rosadah, 2012).	Pengajaran yang melibatkan pemindahan dan perkembangan ilmu dilakukan menerusi keupayaan di dalam mempelbagaikan pemikiran berasaskan aras yang telah ditetapkan iaitu mengapikasi, menganalisis, menilai dan mencipta (Sharifah Nor et al, 2012; Rosnah, Muhammad Faizal & Saedah Siraj, 2013)
Ciri-Ciri	Pengajaran yang dilakukan secara penerangan, bersifat sehala, menyatakan contoh manakala pengetahuan dan maklumat adalah bergantung sepenuhnya pada guru serta penggunaan sumber pendidikan yang terhad (Ghazali et al, 2012; Rohizan et al, 2012).	Pengajaran adalah berpusatkan pelajar, melibatkan penggunaan teknologi maklumat, pembelajaran secara aktif, guru berperanan sebagai fasilitator, penilaian berasaskan pencapaian dan kepelbagaian sumber (Yee, Jailani, Widad, Razali, Tee, Mimi & Mohaffyza, 2011; KPM, 2014).
Jenis	Pengajaran secara kuliah, hafazan, bercerita dan soal jawab, latih tubi (Ab Halim et al, 2011; KPM, 2011)	Pengajaran secara inkuiri, koperatif, projek, konseptual, ramalan masa depan dan <i>PBL (problem based learning)</i> (Sukiman et al, 2013; Siti Marlina, 2013; KPM, 2014).
Kaedah Pengajaran	Guru menetapkan objektif di awal pengajaran dan semasa pengajaran, penyampaian maklumat disampaikan secara sepenuhnya kepada pelajar. Selain itu pelajar juga menggunakan keupayaan akal bagi mengingat sesuatu fakta dan di akhir pengajaran ditetapkan mesti wujud penilaian yang bersifat objektif	Pengajaran dilaksanakan secara berstruktur iaitu di permulaan berkaitan pendedahan mengenai aras mengingat dan mengetahui terlebih dahulu dan semasa peringkat perkembangan, aktiviti seperti mempelbagaikan, penyelesaian masalah, peningkatan soalan aras tinggi, pembelajaran secara projek dan penilaian dilakukan secara sumatif dan formatif (Amabile et al,

	(Maimun, 2011; Sarmah et al, 2011; Robbins, 2014).	2010; Rosnah et al, 2013; Sukiman et al, 2013)
Impak	Penghasilan ilmu kepada pelajar yang terhad, bersifat mekanistik, terbatas bersumberkan standard yang telah ditetapkan, penilaian yang bersumberkan kefahaman dan hafalan (Farawahida et al, 2011; Sarmah et al, 2011; Rohizan et al, 2012).	Penghasilan pelajar yang berupaya mempelbagaikan dimensi ilmu, bersifat kritis dan kreatif, mempunyai hala tuju pengetahuan yang jelas dan sentiasa berupaya mengaplikasi ilmu dalam konteks yang pelbagai (Siti Marlina, 2013; KPM, 2014).

3. Konsep Malakah Menurut Konteks Ibn Khaldun

Penjelasan (Ibnu Khaldun, 1956, 1993) di dalam karyanya *Al-Muqaddimah* menyatakan bahawa keupayaan berfikir merupakan:


“Kesedaran di dalam diri seseorang tentang hal yang ditanggapi adalah suatu yang khusus dimiliki oleh makhluk-makhluk yang hidup sahaja”

Ibn Khaldun menegaskan kepentingan ilmu pengetahuan (*makrifah*) dan sifat mengetahui (*idarrah*) dapat membezakan di antara manusia dengan makhluk lain yang dinamakan haiwan. Deria yang lima iaitu pendengaran, penglihatan, rasa, ciuman dan sentuhan membantu manusia untuk mencapai ilmu pengetahuan (Al-Nai'my, 1994; Muhammad Ghazali, 2004; Muhsin, 2014). Ibn Khaldun jelas menyatakan bahawa lima alat pengetahuan ini disokong dengan penggunaan akal atau pemikiran manusia sebagai sumber ilmu dan setiap ilmu yang dihasilkan melalui akal perlu *bertabi'kan* fitrah manusia (Ibn Khaldun, 1993; Ibrahim, 2015). Ini disumberkan berdasarkan ayat Al-Quran, Surah Al-Mulk ayat 23 seperti berikut:

قُلْ هُوَ الَّذِي أَنْشَأَكُمْ وَجَعَلَ لَكُمُ السَّمْعَ وَالْأَبْصَرَ وَالْأَفْئِدَةَ قَلِيلًا مَّا تَشْكُرُونَ ﴿٢٣﴾

“Katakanlah, “Dialah yang menciptakan kamu dan menjadikan pendengaran, penglihatan dan akal bagi kamu, tetapi sedikit sekali kamu bersyukur”.

Keseluruhan kerangka yang menyeluruh di dalam menerangkan bagaimana nilai pengamalan peneringkatan ilmu menerusi proses pengajaran dengan kesepaduan fungsi akal ini dapat dijelaskan bersandarkan rajah 1.

Rajah 1. Model Pemingkatan Ilmu Pendidikan Islam menerusi keupayaan akal

(Sumber : Ibn Khaldun,1993; al-Na'imi, 1994 ; Ghazali et al, 2016)

Petunjuk

AP = Alat pengetahuan meliputi 5 pancaindera manusia: perasaan, sentuhan, pendengaran, penglihatan dan ciuman

AQ = *Aqal* TM = *Tamyizi* T = *Tajribi* N = *Nazari* HI = *Hakikat Insaniyah*

CPP = Cara peroleh pengetahuan meliputi 6 peringkat, CPP1 (peringkat pancaindera), CPP2 (peringkat membuat tanggapan), CPP3 (peringkat pengetahuan rohani) CPP4 (peringkat percubaan), CPP5 (peringkat pengetahuan baru), CPP6 (peringkat wahyu).
M = Malakat 1 (tabiat), Malakat 2 (kecerdikan), Malakat 3 (Kemahiran), Malakat 4 (tanggapan), Malakat 5 (pengetahuan dan ilmu), Malakat 6 (peringkat wahyu).

IN = *Ilmu Naqli (Wahyu)* IA = *Ilmu Aqli* IN = *Ilmu Nazari*

A = Beransur-ansur T = Berturut-turut D = Memperdalamkan S = Syumul P = Pengajaran

4. Konsep Kemahiran Berfikir Menurut Ibn Khaldun

Islam telah meletakkan proses keilmuan berteraskan kemahiran berfikir adalah di dokong dengan menggabung jalinkan sumber *aqli* dan *naqli* iaitu sumber Rabbani yang mencakupi panduan wahyu, ilham dan sumber insani iaitu akal dan pancaindera

(Al-Attas, 1978; Al-Ghazali, 1986; Al-Hadad, 2005; Hasan Langgulung, 1975; Ibn Khaldun, 2006; Syed Hussein Nasr, 1989). Menurut (al-Ghazali, 1939) kesemua ilmu yang ada pada manusia adalah daripada Allah s.w.t dan bukannya bersumberkan daripada manusia itu sendiri. Tugas manusia hanyalah melakukan penemuan kepada suatu ilmu yang telah wujud melalui akal manusia yang boleh membezakan antara yang hak dan juga yang palsu.

Seharusnya penerapan ilmu atau metodologi pengajaran dalam mata pelajaran Pendidikan Islam, tumpuan perlu dilihat kepada tokoh-tokoh ilmuwan Islam telah membincangkan tentang pendidikan akal atau tentang pemikiran di dalam penulisan mereka. Antara tokoh tersebut ialah *Ibnu Khaldun* yang membincangkan hal berkaitan dengan pemikiran dalam kitabnya *Al-Muqaddimah* (Ibn Khaldun, 2006; Ibrahim, 2015). Begitu juga al-Ghazali menerusi kitab *Ihya Ulumuddin* juga membincangkan tentang pemikiran di dalam penulisannya (al-Ghazali, 1986). Namun berdasarkan tajuk ini, penumpuan akan difokuskan terhadap tahap pemikiran yang dipelopori oleh Ibnu Khaldun menerusi aspek kesesuaiannya dengan elemen kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT).

(Ibn Khaldun, 2006) di dalam karyanya *Al-Muqaddimah* menyatakan bahawa berfikir merupakan:

“kesedaran dalam diri seseorang tentang hal yang ditanggap, suatu yang khusus dimiliki oleh makhluk-makhluk yang hidup sahaja”

Ibn Khaldun menegaskan kepentingan ilmu pengetahuan (*makrifah*) dan sifat mengetahui (*idarah*) dapat membezakan antara manusia dengan makhluk lain yang dinamakan haiwan. Deria yang lima iaitu pendengaran, penglihatan, rasa, hidu dan sentuh akan membantu manusia untuk mencapai ilmu pengetahuan (Ghazali, 2010). Beliau jelas menyatakan bahawa akal atau pemikiran manusia adalah sumber ilmu dan ilmu yang dihasilkan melalui akal manusia bertabi'i bersifat terbatas dan terhad (Ibrahim, 2015). Ibn Khaldun membawakan satu ayat Al-Quran, Surah Al-Mulk ayat 23.

Menurut Ibn Khaldun, kemampuan berfikir mempunyai beberapa tingkatannya iaitu empat peringkat (Ibrahim, 2015; Mohd Yusof, 2012). Peringkat pertama ialah pemahaman intelek manusia terhadap sesuatu yang berada di luar alam semesta, yang berupa tanggapan diri. Peringkat ini membolehkan akal melakukan perbezaan (*aql' al-tamyiz*) yang melaluinya manusia memperoleh segala sesuatu yang bermanfaat bagi diri dan kehidupannya, serta menolak perkara-perkara yang memudaratkannya.

Rosenthal (1980, 2: 412- 413) di dalam Ibrahim (2015) menterjemahkan tahap akal ini kepada *“the discerning intellect”* iaitu:

“The ability to think has several degree. The first degrees...the discerning intellect, with the help of which man obtains the things that are useful for him and his livelihood, and repels the things that are harmful for him”.

Untuk peringkat kedua ialah kemampuan berfikir berkemampuan menyediakan manusia dengan segala idea dan perilaku yang diperlukan di dalam perhubungan manusia dengan persekitarannya dan ianya diperolehi melalui pengalaman (*tashdiqat*) serta juga dikenali sebagai pemikiran eksperimen. Pada tahap kedua ini, Rosenthal (1980, 2: 412- 413) menyatakan ia tahap *“the experimental intellect”* dengan penjelasan:

“The idea and the behaviour needed in dealing with his fellow men and in leading them”

Peringkat ketiga ialah kemampuan untuk berfikir yang memperlengkapkan manusia dengan pengetahuan (*al-ilm*) atau pengetahuan andaian (*dzann*). Ini disebut sebagai spekulatif (*al-aql an-nadzari*). Pemikiran ini juga mengandungi tanggapan (*perception*), pengamatan (*apperception*) tasawwur (*worldview*) dan tashdid. Pada peringkat ini seseorang itu mampu untuk membuat perbandingan dan penggabungan antara beberapa pengetahuan bagi menghasilkan pengetahuan baru. Pada tahap ketiga ini, Rosenthal (1980, 2: 412- 413) meletakkannya sebagai “ *the speculative intellect*” dengan penjelasan:

“provides the knowledge, or hypothetical knowledge, of an object beyond sense perception without any practical activity (going with it). This is speculative intellect. Its consists of both perceptions and apperceptions.”


Peringkat keempat ialah peringkat untuk memberi tanggapan mengenai wujud sesuatu perkara mengikut pelbagai kepintaran, perbezaan sebab-musabab dan puncanya. Dengan kemampuan berfikir tahap ini, manusia dapat mencapai kesempurnaan dalam kebenarannya, dan menjadi insan intelek yang bersifat kebersihan jiwa atau (*al-hakikah al-insaniyyah*). Kesempurnaan bagi manusia menerusi penguasaan aras-aras pemikiran tersebut akan membawa kepada pengertian hakikat manusia melalui akal yang berkualiti dan jiwa yang mantap.

Penghuraian yang diberikan oleh (Ibn Khaldun, 1993; Ibrahim, 2015) terhadap tahap-tahap pemikiran mempunyai batasan yang tersendiri. *Aql'tamyiz* menunjukkan kepada kemampuan akal untuk membezakan perkara yang bermanfaat daripada perkara yang memudaratkan melalui proses mengenal pasti perbezaan dan kebenaran yang terdapat pada perkara yang dinilai. (Ibn Khaldun, 1993) membataskan *aql' tamyiz* ke atas sebahagian perkara yang berkaitan dengan kehidupan. Manakala *aql' tajribi* di aplikasikan di dalam mengenal pasti pendapat dan idea-idea yang diperolehi hasil perbincangan sesama manusia. Hasil daripada proses ini boleh dijadikan sebagai satu pengalaman.

Menerusi proses pendidikan pemikiran secara individu, (Ibn Khaldun, 1993) menekankan kepentingan ilmu dan kemahiran yang berkemampuan membina akal pemikiran seseorang individu. Beliau menyatakan bahawa penyuburan akal dan pemikiran dapat dipertingkatkan melalui gabungan kepelbagaian kemahiran dan bakat (*malakah*). Kesepaduan di antara proses kemahiran dengan bakat akan menghasilkan suatu ilmu yang dapat meningkatkan pemikiran seseorang. (Ibn Khaldun, 1993) memberi contoh bagaimana gabungan kemahiran dalam rumah tangga dan pergaulan dengan masyarakat yang digabungkan dengan perkaitan tanggungjawab dalam agama akan menghasilkan ilmu dan peningkatan tahap pemikiran (Tajul Arifin, 2010; Ibrahim, 2015).

Ibn Khaldun juga membawakan satu pemikiran teori iaitu pemikiran yang menghasilkan ilmu atau pandangan berkaitan perkara yang dikaji yang melangkaui pancaindera (Muhsin, 2014). Pemikiran ini sememangnya berlaku di dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam apabila pembuktiannya tidak sempurna dan jawapannya mungkin tidak muktamad. Ia hanya menunjukkan had sebenar pemikiran manusia dan membuka peluang kepada kemungkinan sesuatu perkara yang tidak diketahui melalui pemikiran seperti perbincangan kewujudan makhluk dan tuhan. Secara jelas, tahap pemikiran yang dipelopori Ibn Khaldun dan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dapat dijelaskan seperti Rajah 2.

Rajah 2. Kerangka konsep Pemikiran Ibnu Khaldun mengintergrasikan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT).



Sumber: Ibn Khaldun, 1958, 1993; Ibrahim, 2015.

5. Hubungan Malakah dengan Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) menurut Ibn Khaldun.

Pembentukan aliran pemikiran yang menyesuaikan dengan keadaan realiti semasa adalah tunjang kepada konsep yang dibawa oleh Ibn Khaldun. Pendekatan yang bersifat pragmatik dan berupaya untuk di aplikasikan menentukan asas penyelesaian masalah wujud dapat difahami secara keseluruhannya (Maimun, 2014; Ibrahim, 2015). Penetapan kepada 4 peringkat di dalam penentuan aras pemikiran adalah asas utama di dalam membincangkan setiap persoalan dengan penyelesaian yang bersifat tuntas dan menyeluruh. Menurut (Ibn Khaldun, 2006) keperluan untuk menyelesaikan masalah pengajaran di dokong berasaskan tiga elemen utama iaitu 1) pengetahuan yang bersifat menyeluruh dan mendalam 2) mengetahui tatacara penyelesaian yang jelas 3) kemahiran mengintergrasikan kepada konsep kepada situasi yang ditetapkan. Maka di dalam kajian ini, elemen ini disepadukan dengan aras pemikiran bagi merungkai setiap permasalahan yang wujud semasa PdP dilaksanakan.

5.1 Pengetahuan yang bersifat menyeluruh

Asas pengetahuan adalah intipati utama di dalam memastikan keberkesanan sesuatu program, dasar dan modul itu. Pengetahuan yang perlu adalah melibatkan 4 perkara asas seperti yang diperincikan oleh (Anderson et al, 2001; KPM 2014) iaitu pengetahuan dasar, pengetahuan bersifat sokongan kepada dasar, pengetahuan bagaimana proses kepada dasar dilaksanakan dan pengetahuan apakah implikasi secara keseluruhan apabila sesuatu dasar itu dilaksanakan. Bagi menghubungkan dengan penggunaan *aql' tamyizi* adalah menerusi bagaimana pengetahuan diterapkan asas perbandingan iaitu asas utama dan asas sokongan seperti PdP yang berkesan adalah PdP yang menguatamakan keupayaan pelajar berbanding pengajaran yang hanya berfokuskan guru sahaja (Zakaria, 2011).


5.2 Pengetahuan tatacara penyelesaian yang jelas

Pengetahuan yang tidak didokong dengan metodologi untuk menyelesaikan menyebabkan kaedah yang ditetapkan tidak dapat mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Prosedur penyelesaian adalah berpandukan penstrukturan yang tersusun bermula dengan penganalisaan, pengenalpastian, penyesuaian kaedah, penilaian dan refleksi secara menyeluruh. Keperluan untuk guru mengetahui secara terperinci ini perlu diperhubungkan dengan asas pemeringkatan akal seperti yang telah dibentuk oleh (Ibn Khaldun, 2006; Mohd Aderi, 2014).

5.3 Kemahiran mengintergrasikan kepada konsep kepada situasi yang ditetapkan

Elemen pengaplikasian kepada situasi yang sebenar merupakan komponen yang memerlukan penelitian yang berkesan mengenai tatacara yang bertepatan. Ini kerana, pembentukan teori dengan penterjemahan dengan realiti merupakan dua perkara yang berasingan dan memerlukan perhubungan yang berkesan bagi memastikan pelaksanaan yang dilakukan memenuhi standard yang telah ditetapkan (KPM, 2014). Maka bersandarkan dapatan beberapa kajian, pengintergrasian ini memerlukan beberapa elemen iaitu konsep Ibn Khaldun di dalam pengintergrasian KBAT. Pendekatan ini dapat dijelaskan berdasarkan Rajah 3 yang disediakan.

Rajah 3. Konsep Malakah Ibn Khaldun dan hubungan dengan KBAT



(Sumber : Ibn Khaldun, 2009; KPM, 2014; Ibrahim, 2015)

6. Perbincangan dan Rumusan

Secara keseluruhan, pelaksanaan KBAT menerusi kerangka panduan yang telah dihasilkan oleh Ibn Khaldun merupakan pendekatan penyelesaian yang terbaik bagi mengatasi segala isu dan permasalahan yang melingkari kemenjadian pelajar di dalam sistem pendidikan di Malaysia pada masa kini. Oleh itu, keperluan mengadaptasi teori yang dihasilkan oleh Ibn Khaldun ini memerlukan kesungguhan yang mendalam daripada pihak kerajaan, kementerian pendidikan, badan bukan kerajaan (NGO), masyarakat, ibu bapa dan murid itu sendiri. Ini di dasarkan penjelasan yang menyatakan pelaksanaan KBAT di dalam sistem pendidikan Malaysia masih berfokuskan kepada pengalikasian kerangka teori barat yang dikemukakan oleh Benjamin Bloom dan oleh Lorin Anderson (KPM, 2014). Teori ini digunakan secara meluaskan sebagai asas falsafah di dalam menentukan hala tuju pemikiran yang perlu dibentuk oleh pelajar menerusi struktur elemen mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta. Namun begitu, struktur pemikiran ini sekiranya di lihat secara mendalam dan menyeluruh mempunyai nilai kesamaan dengan panduan yang dibentuk oleh Ibn Khaldun. Ini membuktikan Islam telah meletakkan asas yang utama di dalam penstrukturan pemikiran mendahului asas yang dikemukakan oleh sarjana barat. Untuk itu, sekiranya pendekatan sarjana barat dan Ibn Khaldun ini dapat disepadukan dan diintegrasikan, pelaksanaan KBAT di dalam sistem pendidikan khususnya pendidikan Islam di Malaysia mampu menghasilkan natijah yang terbaik dan berkesan.

7. Rujukan

- Abdul Rasid Jamian, Shamsudin Othman & Humaizah Hashim. (2016). Persepsi Guru Terhadap Penggunaan Kartun dalam Transformasi Pengajaran Penulisan Karangan Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu (MyLEJ)*, 2(1): 129–140.
- Ab. Halim Tamuri & Nik Mohd. Rahimi Nik Yusoff. (2011). *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur : Percetakan Watan Sdn. Bhd.
- Ahmad, S. F., & Lubis, M. A. (2015). Islam Hadhari di dalam Pembangunan Modal Insan di Malaysia. Satu Analisis Espistemologi. *Jurnal Hadhari: An International Journal*, 7(1), 1-18.
- Ahmad Munawar, I. (2009). *Pengaruh Akidah terhadap Penghayatan Akhlak Pelajar-pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan di Malaysia* (Doctoral dissertation, Tesis Ph. D. Tidak Diterbitkan. Bangi, Selangor: UKM [Universiti Kebangsaan Malaysia]).
- Al-Ghazali, Abū Ḥāmid Muḥammad ibn Muḥammad (1986). *Bidayah Al-Hidayah*. Damsyik: Dar al-Sabuni.
- Al-Ghazali, Abū Ḥāmid Muḥammad ibn Muḥammad (1986). *Ar-Risalah Al-Ladunniyyah*. Damsyik: Dar al-Hikmah.
- Al-Na'miy, Abdullah al-Amin. (1994). (Mohd Ramzi Omar penterjemah). *Kaedah dan teknik pengajaran menurut Ibn Khaldun dan al-Qabisi*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bloom, Benjamin Samuel. (1956). *Taxonomy of Educational Objectives* Allyn and Bacon, Boston, MA; Pearson Education.

- Chew Fong Peng, (2014). Pelaksanaan kemahiran berfikir kreatif dan kritis dalam pengajaran dan pembelajaran komsas di sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu : Vol. 4, Bil. 2*.
- Daniel, M-F., & Auriac, E. (2011). Philosophy, critical thinking and philosophy for children. *Educational Philosophy and Theory, 43(5), 415-435*.
- Douglas W. Smith. (2013). Listening to the Learner: Graduate Teacher Education Students' Preferences for Asynchronous Content Delivery. *MERLOT Journal of Online Learning and Teaching . Vol. 9, No. 4*.
- Esah Sulaiman. (2012). *Pengenalan Pedagogi*. Skudai : Universiti Teknologi Malaysia.
- Fathiyah Fakhruddin (2010). Penerapan elemen falsafah pendidikan Islam dalam pengajaran Pendidikan Islam. *Tesis Dr. Falsafah*, Universiti Putra Malaysia.
- Ibnu Khaldun (1993). *Muqaddimah Ibn Khaldun. (Terj.)*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka
- Ghazali Darusalam. (2010). *Pedagogi Pendidikan Islam*. Cetakan ke 2, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn.Bhd.
- Hamdi Ishak, Ab Halim Tamuri & Rosadah Abd Majid. (2012). Amalan Pengajaran Guru dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (Masalah Pendengaran) : *Journal of Islamic and Arabic Education 4(2), 2012 11-24*.
- Hasan Langgulong (1975). *Al-Ghazali dan Ibn Thufail Vs Rosseau dan Piaget dalam Psikologi Perkembangan. Jihad 20-25*. Universiti Sains Malaysia
- Ibrahim Abu Bakar. (2015). *Falsafah Ibnu Khaldun: Falsafah dan klasifikasi ilmu*. Kuala Lumpur. Institut Terjemahan dan Buku Negara.
- Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti Kementerian Pendidikan Malaysia (2014). Laporan Kebangsaan: Laporan Mata Pelajaran Pendidikan Islam: Kementerian Pendidikan Malaysia
- Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri. (2011). *Pendidikan Islam: Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran (Islamic Education: Teaching and learning)*. Skudai, Johor, Malaysia: Penerbit UTM Press.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2014), *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Sekolah Rendah (DSKP), Pendidikan Islam Tahun 5 (KSSR)*. Putrajaya : Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Lorin W. Anderson & David R. Krathwohl (2001). *A Taxonomy for Learning Teaching and Assessing: A Revision of Bloom's Taxonomy of Education Objectives*. New York, Addison Wesley Longman, Inc.
- Mahamod, Z., & Lim, N. R. (2011). Kepelbagaian kaedah penyoalan lisan dalam pengajaran guru Bahasa Melayu: kaedah pemerhatian. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu; Malay Language Education (MyLEJ), 1(1), 51-65*.
- Maimun Aqsha Haji Abidin Lubis. (2011). *Falsafah pendidikan Islam dan falsafah pendidikan barat : satu analisis perbandingan*. Brunei Darussalam : Universiti Brunei Darussalam.
- Mohd Aderi Che Noh, Noraini Omar, Nur Hanani Hussin (2014). *Sumber Pendidikan Islam*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Aderi Che Noh (2014). *Pendekatan inkuiri dalam pengajaran kemahiran berfikir Pendidikan Islam: satu analisis*. Persidangan Perkembangan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Peringkat Kebangsaan. Kementerian Pendidikan Malaysia.

- Mohd Aderi Che Noh. (2011). Pelaksanaan kelas kemahiran al-Quran di Malaysia : satu analisis. *Journal of Islamic and Arabic Education* 3(1), 47-58.
- Mohd Farid Mohd Shahrin (2013). *Akidah dan pemikiran Islam: isu dan cabaran*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- Mohd Yusoff Dagang. (2016). Amalan pengajaran Guru Pendidikan Islam di sekolah-sekolah negeri Johor, *Tesis Ph.D.* Batu Pahat; Universiti Tun Hussein Onn.
- Mok Song Sang. (2010). Mok Soon Sang. (2010). *Penyelidikan dalam pendidikan*. Puchong ; Penerbitan Multimedia Sdn Bhd.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad Muhammad. (2004). *Ihya' 'Ulum al-Din*. Tahqiq: Muhammad Sa'id Muhammad. Qahirah : Dar al-Bayan al-'Arabi
- Muhsin Mahdi. (2014). *Falsafah sejarah Ibnu Khaldun: kajian tentang dasar falsafah ilmu budaya*. Kuala Lumpur : Institut Terjemahan & Buku Negara.
- Nagapan, R. (1998). Teaching higher order thinking skills in language classroom: the need for transformation of teaching practice. *Tesis PhD yang tidak diterbitkan*: Mochigan State University.
- Noraini Omar (2015). Amalan pengajaran guru Pendidikan Islam berfokuskan kepelbagaian budaya murid: kajian kes di Negeri Sarawak. *Tesis Dr. Falsafah*. Fakulti Pendidikan. Bangi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nawi, N. H. M. (2012). Islamisasi kurikulum pendidikan Islam di institusi pendidikan guru: tribulasi dan cadangan. Universiti Malaysia Kelantan.
- Rajendran, N. (2001). *Pengajaran Kemahiran Aras Tinggi (KBAT): kesediaan guru mengendalikankan proses pengajaran dan pembelajaran*. kertas kerja dibentangkan di Seminar Projek Kemahiran Berfikir Kritis dan Kreatif (KBKK): Pusat perkembangan kurikulum KPM.
- Sarmah Mokhtar, Ab Halim Tamuri, Mohd Aderi Che Noh, Nurul Huda Hassan, Mohamad Maliki Ali, Mohd Kashfi Mohd Jailani, Zahiah Haris@ Harith & Mustafa Kamal Ahmad Kassim. (2011). Kajian persepsi pelajar terhadap personaliti dan amalan pengajaran guru pendidikan Islam sekolah menengah di Selangor. *Prosiding penyelidikan international conference and exhibition on research Islamic And Arabic language education*. Bangi : Association of Malaysian Muslim Intellectual.
- Sefton-Green, J. & Bresler, L. (2011). *Theories and histories: Creative learning and its contexts*. In J. Sefton-Green, P. Thomson, K. Jones, & L. Bresler (Eds.), *The Routledge international handbook of creative learning* (pp. 9-14). New York, NY : Routledge.
- Siti Marlina Sabran. (2013). *Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) pelajar tingkatan lima dalam penyelesaian matematik*. Johor Bharu : Universiti Teknologi Malaysia
- Sukiman Saad, Noor Shah Saad & Mohd Uzi Dollah. (2013) : Pengajaran kemahiran berfikir : persepsi dan amalan guru matematik semasa pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. *Jurnal Pendidikan Sains & Matematik Malaysia*, 2(1), 18-36.
- Puteh, S. N., Ghazali, N. A., Tamyis, M. M., & Ali, A. (2012). Keperihatinan guru bahasa Melayu dalam melaksanakan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif. *Jurnal Pendidikan Bahasa melayu; Malay Language Education (MyLEJ)*, 2(2), 19-23.
- Rosnah Ishak, Muhammad Faizal Abd. Ghani & Saedah Siraj. (2013). Amalan pembelajaran di kalangan guru sekolah berprestasi tinggi. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik . Bil. 1 Isu 2*.

- Robbins, Joanne. (2014). *Learn to reason with TAPS: A talk aloud problem solving approach*. Seattle, Washington DC : Robbins/Layng & Associates.
- Saavedra, Anna Rosefsky & Opfer, V. Darleen (2012). Learning 21st-century skills requires 21st-century teaching. *Phi Delta Kappan International*, 94(2), 8-13.
- Suhid, A., & Fakhruddin, F. M. (2012). Gagasan pemikiran falsafah dalam pendidikan Islam: hala tuju dan cabaran. *JIAE: Journal of Islamic and Arabic Education*, 2(4), 57-70.
- Swartz Robert, Costa Arthur., Kallick Bena, Beyer Barry & Reagan, Rebecca. (2008). *Thinking-based learning: Activating students' potential*. Norwood, MA: Christopher-Gordon Publishers.
- Yee Mei Heong, Jailani Md Yunos, Widad Othman, Razali Hassan, Tee Tze Kiong, Mimi & Mohaffyyza Mohamad. (2011). The needs analysis of learning higher order thinking skills for generating ideas. *Universiti Kebangsaan Malaysia, Teaching and Learning Congress*.
- Yusmarwati Yusof, Rohayu Roddin & Halizah Awang. (2015). What Students Need, and What Teacher Did: The Impact of Teacher's Teaching Approaches to the Development of Students' Generic Competences. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, Volume 204, Pages 36-44.
- Zakaria Abdullah (2011). Pengajaran dan pembelajaran berpusatkan pelajar dalam pendidikan Islam di sekolah menengah kebangsaan di Malaysia. *Tesis Dr. Fal*, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zuraidah Othman (2012). *Tajdid ilmu dan pendidikan: Tinjauan apresiatif terhadap pemikiran Pendidikan Islam Sidek Baba*. Kertas kerja Seminar IP Islam. Anjuran Institut Perguruan Islam, Bangi.

BIOGRAFI PENULIS

Mohd Syaubari Bin Othman, Iulusan Sarjana Pengurusan dan Perkembangan Kurikulum, Universiti Pendidikan Sultan Idris dan Sarjana Muda Syariah dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Kini sedang melanjutkan pelajaran di peringkat PhD dalam bidang Pendidikan Islam di Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Sekarang merupakan pelajar sepenuh masa yang mendapat tajaan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. Bidang pengkhususan di dalam pengajaran pendidikan Islam menerusi penulisan pembentangan kertas kerja peringkat kebangsaan dan antarabangsa, penulisan bagi artikel berwasit dan berindeks serta penyelidikan. Alamat e-mel: syaubari@gmail.com.